

40 | **Setempat** JUMAAT 15 FEBRUARI 2013 **Harian Metro**



Ubah sikap pekerja

LEE (dua dari kanan) menunjukkan cara pemakaian topi keledar yang betul.

“Majikan boleh menyumbang ke arah mengubah sikap dan cara memandu pekerja mereka”
Lee Lam Thye

■ Kes kemalangan ketika perjalanan pergi, pulang kerja catat kenaikan 44.6 peratus

Oleh Iskandar Shah Mohamed
iskandar@hmetro.com.my
Melaka

Berdasarkan statistik diperoleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), kes kemalangan membabitkan perjalanan pergi atau pulang dari tempat kerja di negara ini mencatat peningkatan sebanyak 44.6 peratus sepanjang enam tahun lalu.

Difahamkan, pada 2006, hanya 17,704 kes dilaporkan, namun jumlah itu semakin meningkat setiap tahun sehingga 25,616 kes, tahun lalu.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, peningkatan itu berpunca daripada tahap kesedaran rendah pengguna jalan raya mengenai pemanduan selamat.

“Selain itu, ia berkaitan dengan kurangnya elemen keselamatan dalam sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

“Jumlah kes ‘Commuting Accidents’ itu meningkat saban tahun bermula 2006 diikuti 17,682 kes (2007), 19,041 (2008) dan 20,810 pada 2009.

“Manakala 2010 pula mencatatkan 22,036 kes diikuti 24,089 (2011) dan 25,616 tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Program Kesedaran Kemalangan Industri dan Commuting Accidents serta perasmian pejabat baru NIOSH Wilayah Selatan di Kompleks Yayasan Belia Sedunia, Ayer Keroh di sini, semalam.

Turut hadir, Setiausaha Eksekutif NIOSH Ayop Salleh, Pengurus NIOSH Wilayah Selatan Khairunnizam Mustapha dan Pengarah Perkeso negeri V Mohanadas.

Pembukaan pejabat baru di lokasi strategik itu dapat membantu pihak industri terutama di negeri ini menjalankan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Menurut Lee, majikan diharapkan bertanggungjawab terhadap kes kemalangan seumpama itu yang membabitkan pekerja mereka.

“Majikan boleh menyumbang ke arah mengubah sikap dan cara memandu pekerja mereka dari segi pendedahan aspek keselamatan mencukupi selain kemudahan keselamatan serta peralatan yang mengikut piawaian,” katanya.

Menurutnya, statistik mendapati jumlah kes kemalangan industri bagaimanapun mencatatkan penurunan laitu 34,974 kes tahun lalu berbanding 35,088 pada 2011.

“Namun, berdasarkan jumlah keseluruhan kes kemalangan di tempat kerja, ia masih dianggap tinggi,” katanya.